

Contoh Tugas
Geografi PT3 2015

KAJIAN LAPANGAN KEGIATAN EKONOMI

Ditulis oleh : _____

Tingkatan : _____

****Tugas ini adalah contoh sahaja. Pelajar tidak dibenarkan melakukan plagiat. Pelajar harus menghasilkan tugas dengan usaha sendiri dan tidak meniru secara bulat-bulat.**

BAHAN RUJUKAN untuk TUGASAN GEOGRAFI PT3 2015

Calon dikehendaki menjalankan kajian lapangan tentang pekerjaan penduduk dalam pelbagai kegiatan ekonomi disekitar kawasan tempat tinggal / sekolah calon.

BIL	ISI KANDUNGAN
1	JADUAL KERJA
2	PENGAGIHAN KERJA
3	OBJEKTIF KAJIAN
4	KAWASAN KAJIAN
5	KAEDAH KAJIAN
6	DAPATAN KAJIAN /RUJUKAN /LAMPIRAN

CONTOH JADUAL KERJA

HARI	TARIKH	AKTIVITI	CATATAN
HARI 1 Isnin	22/6/2015	- Menerima soalan dan panduan rubrik pelaksanaan kajian - Tajuk: Kegiatan ekonomi dikawasan kajian - Berbincang dengan guru bentuk pelaksanaan yang hendak dilakukan	
HARI 2 Selasa	23/6/2015	- Taklimat tentang kajian - Membuat catatan hasil penerangan guru	
HARI 3 Rabu	24/6/2015	- Mula mengumpul maklumat dalam internet mengenai konsep di makmal komputer dengan bimbingan guru - Berbincang dengan guru hasil maklumat yang diperoleh	
HARI 4 Khamis	25/6/2015	- Menyediakan borang temubual dengan bimbingan guru - Waktu petang membuat temubual dengan jiran-jiran dan penduduk setempat mengenai kegiatan ekonomi di kawasan kajian.	- dengan bimbingan guru - dengan rakan
HARI 5 Jumaat	26/6/2015	- Waktu petang membuat temubual dengan jiran-jiran dan penduduk setempat tentang cadangan untuk meningkatkan pendapatan di kawasan kajian	- dengan rakan
HARI 6 Sabtu	27/6/2015	- Membuat temubual /soal selidik dengan jiran-jiran dan penduduk setempat mengenai kegiatan yang berpotensi untuk dimajukan di kawasan kajian	
HARI 7 Isnin	29/6/2015	- Membuat analisis daripada temubual 10 responden yang diperoleh. - Menghasilkan bahan grafik yang sesuai	- dengan bimbingan guru
HARI 8 Selasa	30/6/2015	- Menulis laporan daripada hasil kajian di hadapan guru.	- dihadapan guru geografi
HARI 9 Rabu	1/7/2015	- Menulis laporan daripada hasil kajian di hadapan guru. - Menyemak laporan kajian dan bahan grafik.	
HARI 10 Khamis	2/7/2015	- Membuat penambahbaikan - Menghantar hasil kajian kepada guru	
Rabu	3 Julai 2015	- Guru membuat pentaksiran	

Pengagihan kerja

Menerima soalan dan panduan rubrik tugas geografi demi pelaksanaan kajian lapangan tentang pekerjaan penduduk dalam kegiatan ekonomi di kawasan kajian.
Berbincang dengan guru bentuk pelaksanaan yang perlu dilaksanakan

Objektif Kajian

1. Konsep dan takrifan kegiatan ekonomi
2. Latar belakang kegiatan ekonomi dan persembahan grafik yang sesuai tentang pekerjaan penduduk
3. Usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan penduduk
4. Kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan dan alasan

Kaedah kajian

Mendengar taklimat dan penerangan daripada guru geografi, pada masa yang sama membuat catatan hasil penerangan guru

1. Kaedah pemerhatian
Saya telah perhatikan kegiatan ekonomi di kawasan kajian.
2. Kaedah temubual
Saya telah menemubual seramai 10 orang responden untuk dapatkan maklumat seperti latar belakang jenis-jenis ekonomi, usaha meningkatkan pendapatan, mana satu ekonomi lebih berpontensi.
3. Mencari maklumat dan merangka proses kerja, bincang maklumat yang diperolehi dengan menggunakan kaedah rujukan di internet, jurnal, ensiklopedia, akhbar, buku teks Tingkatan 1-3 bersama guru.
4. Lukis peta kawasan kajian (tajuk peta, bingkai, petunjuk dan arah mata angin, simbol piawai).

ATAU

Kaedah Kajian

- menghuraikan kaedah kajian (rujukan, pemerhatian, soal selidik dan temu bual)

Saya telah mengenal pasti beberapa kaedah yang akan membantu saya mencatat maklumat secara terperinci dan bersistematik. Oleh itu, saya telah menggunakan 3 kaedah ini untuk menjalankan kajian ini. Berikut adalah:-

1) Soal selidik

Saya telah membuat pemerhatian terhadap kawasan kajian untuk mendapatkan maklumat tentang kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Saya telah memerhati pelbagai kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Contohnya ialah pertanian, perguruan, perniagaan dan penternakan.

2) Pemerhatian

Saya telah menyual selidik penduduk di kawasan kajian untuk mengkaji tentang kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Saya telah memberi borang soal selidik kepada 10 orang responden dan memberi mereka masa sebanyak 5 minit untuk menjawabnya. Saya telah mengutip borang tersebut dan menganalisisnya seperti di bahagian lampiran.


3) Rujukan

Saya telah menggunakan pelbagai bahan rujukan untuk saya mencari maklumat tentang kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Saya telah memilih seseorang untuk dijadikan orang sumber untuk menceritakan kepada saya tentang kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Saya juga telah mencari pelbagai sumber dari internet untuk menjayakan kerja khusus ini. Selain itu saya juga telah menggunakan buku teks Geografi Tingkatan 1 untuk memudahkan saya membuat kajian ini.

Soal selidik

1. Temu bual dengan jiran dan penduduk setempat mengenai kegiatan ekonomi di kawasan kajian itu.
2. Membuat analisis daripada temubual 10/20 responden yang diperolehi, menghasilkan bahan grafik yang sesuai [jadual, graf/carta pai, peta minda /raja aliran]
3. Jenis kegiatan ekonomi yang dijalankan.
4. Faktor mempengaruhi /sebab pertumbuhan /latar belakang tempat yang dikaji.
5. Usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan penduduk di kawasan tersebut.
6. Huraian /faktor /kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan.

CONTOH CARTA ALIR
PROSES KAJIAN KES MENGENAI KEGIATAN EKONOMI
– PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 2015



Kawasan Kajian

Kajian ini dilakukan di Petaling Jaya, Selangor iaitu merupakan satu bandaraya maju yang memberikan kemudahan yang lengkap kepada penduduk setempat. Penyediaan prasarana yang mencukupi di kawasan Petaling Jaya secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup serta kualiti pendidikan penduduk. Walau bagaimanapun, akibat daripada pertambahan penduduk menyebabkan berlakunya kesesakan jalanraya terutamanya pada hari bekerja. Selain daripada itu, pembinaan perumahan berskala tinggi juga semakin banyak dibangunkan menyebabkan berlakunya pertambahan kepadatan penduduk secara mendadak dan mengundang kepada penempatan mampu milik bagi warga asing. Tujuan mengkaji di kawasan ini ialah untuk mengetahui secara mendalam mengenai proses pembangunan di Petaling Jaya dahulu sehingga kini. Selain itu, dapat meningkatkan pengetahuan mengenai kawasan di Petaling Jaya. Pelbagai dasar yang boleh digunakan tetapi tidak semua dasar bersesuaian. Dasar-dasar yang digunakan dalam kajian ini ialah Dasar Pembangunan Negara, Dasar Kependudukan Negara, Dasar Perindustrian Negara, Dasar Pendidikan dan Dasar Perumahan. Kaedah kajian yang dilakukan ialah secara pemerhatian dan melayari laman web portal kerajaan serta laporan tahunan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Banyak maklumat yang dapat kita ambil dari kaedah kajian tersebut. Cadangan ingin dibuat ialah penyediaan mengakses internet secara percuma di kawasan Petaling Jaya di kawasan tumpuan masyarakat sebagai faktor tarikan. Kesimpulannya, pembangunan di Petaling Jaya menggunakan Teori Corak Perubahan Struktur iaitu daripada ekonomi yang kurang maju kepada ekonomi yang semakin maju.

Pengenalan

Kedudukan kawasan daerah Petaling Jaya yang bersebelahan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menjadi tumpuan dan tarikan orang ramai dan merupakan kelebihan terhadap pertumbuhan guna tanah daerah ini terutamanya dari sudut perbandaran, pembangunan perindustrian, institusi, perdagangan di samping dapat mewujudkan peluang pekerjaan (Rujuk Rajah 1.1: Peta Kawasan Kajian). Selain itu, ini adalah selaras dengan objektif pembangunan MBPJ untuk membasmi kemiskinan dan menyediakan kemudahan asas mencukupi menurut Bahagian Penguatkuasaan Perancangan MBPJ, 2010. (Laporan Tahunan MBPJ, 2009)

Bagi pecahan perluasan kawasan daerah Petaling Jaya, terbahagi kepada empat kawasan iaitu Seksyen satu yang mempunyai keluasan 4,551.67 ekar, bagi kawasan Seksyen dua pula mempunyai keluasan kawasan 4,349.05 ekar, manakala bagi kawasan Petaling Jaya Utama (PJU) mempunyai keluasan 13,566.07 ekar dan bagi kawasan Petaling Jaya Selatan (PJS) mempunyai keluasan 1,551.82 ekar. (Keluasan Kawasan Mengikut Seksyen, 2010)

Petaling Jaya berkembang menjadi sebuah bandar raya yang pesat membangun sebagai pusat tumpuan bagi pelaburan, perindustrian, pendidikan dan perumahan. Ia menjadi pusat tumpuan bagi pendidikan kerana wujudnya pelbagai institusi pengajian kerajaan dan swasta seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kolej SEGI dan Stamford. Sektor perdagangan dan perindustrian merupakan penjana utama ekonomi bagi Petaling Jaya. Aktiviti ekonomi yang di jalankan di kawasan Petaling Jaya melibatkan lebih kurang 20 peratus daripada keluasan Petaling Jaya. Majoriti penduduk menjadikan sektor ini sebagai sumber pendapatan utama mereka. (Laporan Tahunan MBPJ, 2009).

Selain itu, dari segi kemudahsampaian, Petaling Jaya merupakan kawasan yang strategik di antara Kuala Lumpur dan Shah Alam yang menjadikannya mudah diakses dari pelbagai arah. Jalan utama di Petaling Jaya ialah Lebuhraya Persekutuan, Lebuhraya Damansara-Puchong, Lebuhraya Sprint, Lebuhraya Pantai Baru, New Klang Valley Expressway, Kerinchi Link dan Penchala Link. Dari segi kemudahan, bas dan teksi merupakan sistem pengangkutan awam terpenting bagi penduduk Petaling Jaya. Selain daripada itu, terdapat juga sistem pengangkutan komuter dan transit aliran ringan (LRT) yang merupakan kemudahan alternatif bagi memudahkan orang ramai.

Kuala Lumpur atau nama penuhnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ialah ibu negara dan bandar terbesar di Malaysia. Kawasan Wilayah Persekutuan ini yang meliputi tanah seluas 244 km² (94 bt persegi), diduduki 1.63 juta orang mengikut banci tahun 2010. Kuala Lumpur tergolong dalam sebuah kawasan metropolitan besar yang turut meliputi sebahagian besar negeri Selangor, iaitu Lembah Klang, sebuah kelompok bandar yang diduduki 7.2 juta orang, dan juga kawasan metropolitan yang paling pesat membangun di negara dari segi bilangan penduduk dan ekonomi.

Kuala Lumpur merupakan tempat letaknya Parlimen Malaysia, dan juga pernah menjadi lokasi cabang eksekutif dan kehakiman kerajaan persekutuan yang kini bertapak di Putrajaya sejak tahun 1999. Namun begitu, terdapat beberapa cawangan kehakiman yang kekal di ibu kota ini. Kediaman rasmi Yang di-Pertuan Agong, iaitu Istana Negara, juga terletak di Kuala Lumpur. Bandar raya ini juga merupakan pusat kebudayaan dan ekonomi Malaysia kerana kedudukannya selaku ibu negara dan bandar raya primat. Kuala Lumpur ditarafkan sebagai bandaraya dunia alfa, dan juga satu-satunya bandar raya global di Malaysia, menurut Globalization and World Cities Study Group and Network (GaWC).

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah salah satu daripada tiga buah Wilayah Persekutuan Malaysia, dan juga sebuah enklaf dalam negeri Selangor, di pantai barat tengah Semenanjung Malaysia.

Geografi Kuala Lumpur dicirikan oleh lembah besar yang dikenali sebagai Lembah Klang yang bersempadan dengan Banjaran Titiwangsa di timur, beberapa banjaran kecil di utara dan selatan, dan Selat Melaka di barat. Kuala Lumpur memetik namanya daripada kuala yang menemukan Sungai Klang dan Sungai Gombak di tengah-tengah ibu kota itu.

Kuala Lumpur yang terletak di tengah-tengah negeri Selangor, pernah tertakluk di bawah pemerintahan kerajaan negeri Selangor, sehingga dipisahkan pada tahun 1974 untuk menjadi Wilayah Persekutuan pertama yang ditadbir secara terus oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia. Lokasinya di pantai barat Semenanjung Malaysia yang lebih luas tanah ratanya berbanding pantai timur, menyumbang kepada pembangunan yang lebih pesat berbanding bandar-bandar lain di Malaysia.

Pentadbiran bandar raya Kuala Lumpur meliputi kawasan seluas 243.65 km² (94.07 bt persegi), dengan ketinggian tanah purata 21.95 m (72.0 ka)

Bagi murid yang mengkaji kawasan lain, boleh mendapatkan maklumat di <https://ms.wikipedia.org/wiki>

Perdagangan dan Perindustrian

Dasar Perindustrian ialah negara menggiatkan lagi proses industrialisasi untuk meningkatkan eksport negara dan ekonomi Negara. Di samping itu, dengan menggiatkan proses industrialisasi di dalam negara akan mewujudkan banyak peluang pekerjaan. (Dasar Perindustrian Negara, 2008). Penduduk Petaling Jaya pada hari ini mempunyai pelbagai pilihan kedai-kedai tradisional serta beberapa kompleks membeli-belah yang besar. Kedai-kedai yang di sediakan terletak di pelbagai lokasi strategik seperti SS2, Damansara Utama, Kelana Jaya, Damansara Jaya, Taman Megah, SS3, Seksyen 14, SEA Park, PJ New Town dan PJ Old Town. Pada permulaannya, penduduk tempatan mendapatkan keperluan seharian mereka di sama ada PJ Old Town, New Town atau Seksyen 14. PJ New Town juga biasanya dirujuk sebagai PJ Negeri.

Institusi ataupun pasaraya pertama yang mempunyai pusat membeli-belah di Petaling Jaya adalah Supermarket Thrifty yang beroperasi di sepanjang Jalan Barat. Pada tahun 1950-an pertumbuhan aktiviti dalam industri pembuatan dengan syarikat-syarikat asing seperti Singapura Fraser, Neave (F&N), dan Colgate-Palmolive (Malaysia) mula menubuhkan kilang-kilangnya di Seksyen 13.

Bandar Sunway telah diiktiraf sebagai destinasi pelancongan dimana bandar sunway menyediakan pelbagai tumpuan dari segi perdagangan dan rekreasi seperti Sunway Lagoon, Sunway Pyramid dan lain-lain. (Petaling Jaya, 2012).

Amcorp Mall adalah pusat membeli-belah yang dibuka pada bulan Disember 1997 dan terletak di Petaling Jaya, yang terletak bertentangan dengan stesen LRT Taman Jaya yang dikendalikan oleh Rapid KL (Rujuk Rajah 2.3: Amcorp Mall). Menurut statistik bilangan jenis perdagangan yang di keluarkan oleh Jabatan Perancangan MBPJ, pada tahun 2012 sebanyak 8 jenis perdagangan terdapat di dalam kawasan Petaling Jaya iaitu, Perniagaan Borong sebanyak 118, runcit sebanyak 481, hotel 20, restoran 679, kewangan dan insurans 120, Perkhidmatan sosial 269, industri perkhidmatan 959, dan penyediaan stesyen minyak sebanyak 35 (Rujuk Rajah 2.4: Jumlah Perdagangan Mengikut Jenis) Walau bagaimanapun, dari segi pembangunan perindustrian menurut jabatan pembangunan MBPJ, pada 2012 sebanyak 2232 jenis perindustrian telah di bangunan (Rujuk Rajah 2.5: Jumlah Perindustrian Mengikut Jenis).

Dari segi kedudukannya yang strategik di antara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Klang dapat membuka banyak peluang pelaburan dari dalam dan luar negara. Akibat daripada kawasan yang diperuntukkan tidak dapat menampung pertumbuhan kawasan perindustrian yang pesat, ia mendorong kerajaan untuk meneroka kawasan baru di utara Petaling Jaya untuk dibangunkan sebagai kawasan perindustrian. Sambutan yang sangat baik dari pelabur-pelabur luar telah banyak memberi ruang kepada penubuhan Zon Perdagangan Bebas di kawasan Sungai Way. Di antara pelabur asing termasuklah dari Amerika Syarikat, Eropah, Jepun, Taiwan dan Korea. Kebanyakan kilang terletak di Seksyen 51, 51A, 13 dan 19.

Tumpuan industri adalah tertumpu terhadap sektor pembuatan, elektronik, pemprosesan bahan mentah, produk pengguna, industri teknologi tinggi dan industri berorientasikan perkhidmatan pelanggan. Antara kilang yang beroperasi di Petaling Jaya adalah Panasonic, Matsushita, Omron, Motorola dan Western Digital (Rujuk Rajah 2.6: Kawasan Perindustrian di Petaling Jaya).

Kemudahan Pengangkutan

Pada hari ini, pengangkutan awam yang disediakan oleh RapidKL dalam bentuk bas serta KL Light Rail Transit System telah menjangkau ke Kelana Jaya Line, dan sedikit ke Petaling Jaya. Dari segi perkhidmatan Jalan, Petaling Jaya mempunyai tiga akses utama yang menjadi sistem lebuhraya kebangsaan iaitu, Lebuhraya Utara-Selatan melalui Kota Damansara, Damansara, dan Subang. Dalaman, lebuhraya seperti Lebuhraya Damansara-Puchong, Lebuhraya Sprint dan Lebuhraya Persekutuan. Dengan adanya penyediaan kemudahan yang menarik dan memuaskan, secara tidak langsung dapat menarik ramai pelancong asing mahupun penduduk tempatan untuk berhijrah di samping aktiviti ekonomi dapat di tingkatkan (Rujuk rajah 2.8 : Lebuhraya di Petaling Jaya).

Pendidikan

Dasar Pendidikan ialah menekankan kepada melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek yang selari dengan Falsafah Pendidikan. Melalui dasar ini juga dapat melatih diri kita untuk lebih berdiskiplin dan akan melahirkan masyarakat berdisiplin. (Dasar Pendidikan di Malaysia) Pendidikan juga dapat membantu diri menjadi seorang yang pandai dalam menyelesaikan masalah tanpa mengikut emosi. Tanpa pendidikan kita akan mudah untuk diperdaya dan ekonomi akan mundur. Petaling Jaya terdapat lebih daripada 23 kolej dan Universiti kerajaan mahupun swasta telah di bangunan di Petaling Jaya termasuklah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM atau UIAM) pusat untuk kajian asas kampus terletak di Seksyen 17, Universiti Teknologi MARA (UiTM) kampus cawangan di Jalan Othman di Seksyen 1, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) kampus cawangan di Seksyen 13, Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) kampus utama di SS6 Kelana Jaya, Stamford College di Jalan Timur dan Jalan 223, Institut Makanan Malaysia (FIM) di SS6 Kelana Jaya, Universiti Sains Teknologi Malaysia, (MUST) kampus utama di SS7, Kolej Damansara Utama (KDU) di Damansara Jaya, Kolej Bandar Utama (KBU) di Bandar utama dan IACT di Damansara Utama. International University College Of Technology Twintech sebuah kolej swasta di Bandar Sri Damansara (Rujuk Rajah 2.9: Kolej Stamford).

Pada tahun 1956, penyediaan kemudahan pendidikan UiTM yang dahulunya di kenali sebagai Dewan latihan RIDA di Seksyen 1 telah memulakan kehidupan baru bagi penduduk setempat. Ia kemudiannya dinamakan semula sebagai Dewan Latihan MARA yang merupakan sebuah pusat latihan di bawah naungan RIDA atau Pihak Berkuasa Pembangunan Luar Bandar dan Industri. Kolej kejururawatan swasta yang pertama di Malaysia adalah terletak di Hospital Assunta di Petaling Jaya. Kolej Kejururawatan swasta tersebut telah diasaskan oleh Tun Tan Cheng Lock pada tahun 1961.

Dari segi sekolah, sehingga kini terdapat banyak sekolah menengah dan sekolah rendah di Petaling Jaya termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Medan, SMK Damansara Utama, Bukit Bintang Boys School, SMK Assunta, Catholic High School, La Salle PJ, SMK Damansara Jaya, SMK Sultan Abdul Samad, SMK Taman SEA, SMK Sri

Permata, SMK (P) Taman Petaling dan SMK Kelana Jaya berbanding pada tahun 1952 di mana merupakan batu asas sekolah yang di asaskan oleh Almarhum Sultan Sir Hisamuddin Alam Shah Ibni Almarhum Sultan Sir Alaeddin Sulaiman Shah. (Petaling Jaya, 2012)

Dasar Perumahan Negara

Kini, bilangan jenis perumahan yang terdapat di kawasan Petaling Jaya berdasarkan Laporan Tahunan MBPJ, 2009 sebanyak 50,446 unit rumah Teres, 48,995 unit rumah pangsapuri, 44,592 unit rumah pangsa, 8,623 unit rumah sesebuah, 7,653 unit rumah berkembar dan 68 unit rumah bandar. (Laporan Tahunan MBPJ, 2009) Ini membuktikan bilangan perumahan untuk perlindungan semakin meningkat dan taraf hidup juga menjadi semakin baik dengan adanya rumah yang selesa untuk berlindung.

Mercutanda

Mercutanda adalah merupakan nadi bagi setiap bandar untuk menaikkan imej serta menjadi tarikan orang ramai untuk berkunjung atau menetap di kawasan tersebut yang mampu meningkatkan ekonomi bandar. Bagi kawasan Petaling Jaya di antara mercutanda yang mula di bina dan menjadi tarikan orang ramai adalah Universiti Malaya (UM) yang terletak di antara sempadan Petaling Jaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Universiti Malaya adalah merupakan antara Universiti yang tertua di Malaysia. Selain daripada itu, pada tahun 1983, sebuah lagi pusat pengajian ditubuhkan iaitu Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang bukan sahaja menjadi tarikan para pelajar tempatan malah menjadi tumpuan bagi para pelajar antarabangsa. Namun kini kampus utama UIAM berada di Gombak. Mercu tanda lain ialah gerbang Kota Darul Ehsan yang menandakan sempadan PJ dan KL secara simbolik. (Rujuk Rajah 3.0 : Pintu Gerbang Kota Darul Ehsan) Gerbang ini terletak di Lebuhraya Persekutuan yang merupakan satu-satunya lebuhraya yang menghubungkan Petaling Jaya dan Kuala Lumpur pada masa itu dan sehingga kini. Kota Darul Ehsan yang di bina adalah bercirikan seni bina Moor yang siap dibina pada 1981. Pada 16 Mac 1987 Menara MPPJ setinggi 27 tingkat menjadi mercu tanda Petaling Jaya dan nadi bagi New Town (Rujuk Rajah 3.1 : Menara MBPJ).

Walau bagaimanapun, dengan adanya teknologi pembangunan yang semakin pantas dan maju banyak kawasan-kawasan mercutanda lain telah di bina di kawasan Petaling Jaya di antaranya ialah Taman Bandaran Kelana Jaya, Taman Jaya dan Muzium Petaling Jaya yang merupakan mercutanda bagi kawasan pusat beriadah. (Rujuk Rajah 3.2 : Tasik Taman Jaya) Kepada penggemar membeli-belah pula, kawasan Mutiara Damansara adalah ibarat surga pusat membeli belah bagi Petaling Jaya. Di mana di antara pusat membeli-belahnya yang terkenal seperti Sunway Pyramid, The Curve, Ikea, dan One Utama. (Rujuk Rajah 3.3 : Sunway Pyramid)

Kesan Pembangunan

Kesan pembangunan di Petaling Jaya ialah peluang pekerjaan. Petaling Jaya sememangnya terkenal dengan kawasan perdagangan yang bergiat aktif. Penubuhan kawasan perindustrian di kawasan Petaling Jaya telah banyak memberikan sumbangan ekonomi kepada kerajaan Negeri mahu pun kerajaan Pusat di dalam menarik pelabur-pelabur asing. Dengan adanya pembukaan kawasan perdagangan dan perindustrian yang baru oleh pelabur-pelabur asing dan tempatan telah banyak memberikan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Seterusnya, kesan pembangunan di Petaling Jaya ialah lambakan perumahan yang berskala tinggi. Di dalam arus pembangunan yang semakin maju dan status Petaling Jaya sebagai sebuah pusat bandar raya kebanyakan aktiviti pembangunan akan tertumpu kepada pertambahan kawasan-kawasan perdagangan dan perindustrian. Kadar Pertumbuhan penduduk tahunan yang berada di paras tinggi iaitu sebanyak 7.9% berbanding Negeri Selangor 6.9% antara tahun 1991 – 2000 dengan 30% penduduk berada di daerah ini.

ATAU

Kawasan kajian mempunyai tanah yang rata dan lembut. Mengikut sejarahnya, dalam 50-an awal, Kuala Lumpur mengalami kesesakan yang disebabkan oleh peningkatan pesat penduduk dan banyak kawasan setinggan yang dibangunkan di kawasan luar Kuala Lumpur. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri Selangor telah mengenal pasti sebuah ladang getah dengan keluasan 1,200 ekar di Jalan Klang Lama bagi mewujudkan penyelesaian atau penyelesaian kawasan baru bagi mengatasi kesesakan serta masalah setinggan yang telah timbul. Ini penyelesaian dalam Daerah Petaling dinamakan Petaling Jaya untuk gambar harapan pembangunan supaya penyelesaian ini akan menjadi bandar yang berjaya (Jaya longgar diterjemahkan ke 'Kejayaan').



Pada peringkat awal, Petaling Jaya memberi keutamaan kepada kerja-kerja pembangunan. Pihak berkuasa telah berusaha untuk menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian dan kemudahan awam. Pembangunan Petaling Jaya bermula di "Old Town" dengan pembinaan rumah kedai, pusat komuniti, panggung wayang, stesen bas dan lain-lain. Jalan 1, yang kini dikenali sebagai Jalan Templar, adalah jalan yang pertama dibina di Petaling Jaya.

Sehingga akhir tahun 1954 Petaling Jaya ditadbir oleh Pegawai Daerah Kuala Lumpur dan Petaling Jaya Lembaga Bandaran. Kuasa pentadbiran Petaling Jaya kemudiannya dipindahkan ke sebuah Badan Berkanun yang Berkuasa Petaling Jaya. 1 Jan 1964 adalah detik bersejarah bagi Petaling Jaya kerana melalui Negeri Selangor Warta Kerajaan No. 2/1964, sebuah Lembaga Bandaran yang mempunyai 'autonomi kewangan' telah ditubuhkan untuk mentadbir Petaling Jaya.

Ia menjadi pemangkin kepada Lembaga untuk merancang dan membangunkan Petaling Jaya selaras dengan dasar liberal Kerajaan ke arah pembangunan. Dalam tempoh dua dekad, Petaling Jaya telah menjadi sebuah bandar satelit yang paling terkaya dan terbesar di negeri ini. Sebagai bandar pertama yang dirancang di Malaysia, Petaling Jaya telah mencapai kejayaan gemilang, sesuai namanya 'JAYA' (Kejayaan) dan sentiasa sibuk dengan aktiviti dan bangga dengan pencapaiannya. Petaling Jaya telah menjadi kawasan perindustrian yang terkenal di negara ini dan sedang membangunkan dengan cara sendiri.

Pada 1 Januari 1977, Lembaga Bandaran Petaling Jaya telah dinaikkan pangkat ke status Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) berikutan undang-undang Akta Kerajaan Tempatan 1976 oleh kerajaan Amerika Syarikat SS (seksyen bernombor di daerah Sg Way / Subang) bersama-sama dengan kawasan-kawasan baru yang lain seperti Subang Jaya, Seksyen 52 (Newton) telah digabungkan untuk membentuk pada kawasan perbandaran di bawah MPPJ.

Dari sebuah bandar yang telah dirancang untuk menjadi Bandar Kecil untuk menampung kesesakan di Kuala Lumpur, Petaling Jaya telah menjadi Bandar Maju. Dalam usaha mencapai pemodenan dan pembangunan pada masa itu, penduduk telah mengambil bahagian dalam perdagangan dan perdagangan ke arah meningkatkan kualiti hidup mereka.

Negeri Selangor memiliki sebuah pasaran ekonomi yang maju dan terbuka dengan KDNK (keluaran dalam negara kasar) per kapita (PPP) yang tertinggi di Malaysia iaitu sekitar USD33,147, setanding dengan nilai per kapita negara eropah barat dan Hong Kong. Bidang eksport, perindustrian, pertanian dan perkhidmatan merupakan aspek-aspek terpenting dalam ekonomi negeri Selangor.

Perindustrian dan perdagangan

Sektor perindustian merupakan penyumbang utama terhadap kerancakan ekonomi negeri iaitu menyumbang lebih 58% dalam KDNK negeri pada tahun 2008, malah ia merupakan nadi ekonomi Negara. Selangor mempunyai sektor pembuatan seperti elektronik, bahan kimia dan kenderaan automotif yang terbesar di Malaysia, seperti kereta proton dan perodua. Kereta import juga beroperasi di negeri ini seperti Toyota, Nissan, Volkswagen, Ford, Volvo, BMW dan banyak lagi. Banyak kilang-kilang dari luar negara yang bertapak di negeri ini antaranya Panasonic dari Jepun, Procter & Gamble dari Amerika Syarikat, Unilever dari Belanda, Nokia dari Sweden dan banyak lagi. Antara kawasan perindustrian yang terkenal ialah di Shah Alam, Subang Jaya, Klang, Kajang, Rawang, Selayang, Ampang Jaya dan Petaling Jaya.

Pelabuhan Klang yang merupakan faktor utama kemajuan perindustrian di Selangor, pelabuhan ini juga merupakan pelabuhan yang tersibuk dan terpenting di Malaysia. Negeri Selangor juga menjadi tarikan utama pelabur asing dari luar negara.

Pertanian

Selain terkenal dengan perindustrian dan pelabuhan, bidang pertanian juga semakin berkembang maju walaupun hanya menyumbang 3.1% kepada KDNK negeri. Antara kerjayaan yang telah dikecapi adalah seperti Selangor Fruit Valley merupakan pengeluar buah-buahan tropika terbesar dunia seperti belimbing, betik dan pisang. Begitu juga dengan sawah padi di Kuala Selangor yang diurus secara estet dengan kaedah pengairan serta penanaman moden, berjaya mengeluarkan hasil purata sehektar tertinggi di negara ini iaitu lebih 7 tan sehektar. Aktiviti pertanian kelapa sawit dan getah juga dijalankan di negeri ini.

Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang kedua terbesar terhadap KDNK negeri iaitu sebanyak 38%. Shah Alam mempunyai susunan dan struktur bandar yang serupa dengan Petaling Jaya atau Subang Jaya dengan kawasan perumahan memenuhi kebanyakan kawasan bandar raya (55.2 km²) dan pusat-pusat komersial bertebaran di sekitar 'Seksyen' yang berbeza. Shah Alam mempunyai sejumlah 56 seksyen. Umumnya Shah Alam boleh

dibahagikan kepada utara, tengah, selatan dan sebahagian Sungai Buloh. Shah Alam utara terdiri dari 18 Seksyen termasuklah Seksyen U1, U2, Kampung Melayu Subang dan banyak lagi. Ia mengandungi kawasan coklat di sisi sebelah peta. Shah Alam Tengah adalah bahagian 'utama' di Shah Alam. Ia mengandungi Seksyen 1 sehingga Seksyen 24 yang dilihat dalam peta sebagai warna kuning. Dalam kawasan inilah di mana semua bangunan pentadbiran dan agensi terletak terutamanya di Seksyen 14 (Pusat Bandar Shah Alam) dan Seksyen 5 (Pusat pentadbiran kerajaan negeri). Bagaimanapun pembangunan yang dirancang khas untuk sekitar Seksyen 14 masih belum siap dan sedang rancak berjalan, ia dilaksanakan mengikut pelan pembangunan yang dirancang pada tahun 1996 oleh PKNS dan MBSA. Shah Alam selatan pula mengandungi 12 Seksyen termasuklah Seksyen 25(Sri Muda), Seksyen 30 (Jalan Kebun), Seksyen 31 (Kota Kemuning) dan Seksyen 32 (Bukit Rimau). Di kawasan ini juga ditempatkan beberapa buah kawasan perindustrian yang utama di Shah Alam terutamanya di Seksyen 26 yang menempatkan kilang milik Proton. Di dalam peta, Shah Alam selatan dilihat pada kawasan yang ditandai ungu muda.

Bandar raya ini mempunyai sebilangan pusat membeli belah (*Plaza Alam Sentral*, (juga dikenali sebagai PAS), *SACC Mall*, *Plaza Shah Alam* (dulu dikenali sebagai Shah Alam Mall, juga dikenali sebagai Plaza Masalam), *Ole-Ole Seksyen 18*, Anggerik Mall dan *Kompleks PKNS*) dan ia mempunyai banyak sekolah, kedai, bank, kedai makan, kafe, hotel, pusat perbuatan, klinik, pasar raya besar (terutamanya Carrefour (seksyen 23), Giant dan Tesco Extra)(Seksyen 13) dan kawasan rekreasi. Kebanyakan kawasan komersial yang terang terletak di pusat bandar raya terutamanya (Seksyen 14), Seksyen 13 dan Seksyen 9.

Semua jalan utama di Shah Alam termasuklah kota perbandaran baru seperti Setia Alam dan Kota Kemuning mempunyai tanda-tanda jalan dalam tulisan Rumi dan tulisan Jawi.

Kilang utama PROTON, pembuat kereta nasional, terletak di Shah Alam. Banyak syarikat lain, tempatan dan luar negara, yang juga menempatkan kilang utama mereka di kawasan perindustrian Shah Alam. Kewujudan kawasan-kawasan perindustrian di Shah Alam telah memajukan ekonomi bandaraya ini dan menjadikannya sebuah bandaraya perindustrian yang penting di Malaysia. Antaranya ialah Silverbird, dan Toyota.

<http://www.bintangjukan.com/2015/06/konsep-dan-takrifan-kegiatan-ekonomi.html>

CONTOH

Hasil Kajian [KAWASAN FELDA]

Konsep kegiatan ekonomi

Contoh Lengkap Konsep Dan Takrifan Kegiatan Ekonomi (5 Markah)

Kegiatan Ekonomi boleh didefinisikan sebagai aktiviti individu yang boleh mendatangkan hasil pendapatan serta menjana sumber kewangan. Dalam erti kata lain, Kegiatan ekonomi boleh didefinisikan sebagai kegiatan manusia yang boleh mendatangkan nilai dan pendapatan (**1 Markah**). Kegiatan ekonomi utama di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga sektor antaranya adalah sektor Primer, Sekunder dan Sektor Tertier (**1 Markah**). Contoh Sektor sekunder meliputi aktiviti pertanian, perikanan, perhutanan/ pembalakan dan perlombongan (**1 Markah**). Manakala sektor sekunder merangkumi perindustrian seperti aktiviti pengeluaran atau pengilangan (**1 Markah**). Sektor tertier pula merangkumi Pelancongan, Pendidikan, Perdagangan, Pengangkutan dan kewangan (**1 Markah**).

HASIL KAJIAN

Konsep kegiatan ekonomi

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisikan bahawa kegiatan ekonomi sebagai perkara-perkara atau aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat.

Terdapat banyak jenis-jenis kegiatan ekonomi, antara contoh-contoh kegiatan ekonomi ialah perniagaan, perkhidmatan, perindustrian dan lain-lain.

Jenis-jenis Kegiatan Ekonomi

Terdapat banyak jenis-jenis kegiatan ekonomi di kawasan antaranya ialah perkhidmatan. Hasil daripada analisis borang soal selidik, saya mendapati 6 orang responden yang terlibat dalam kegiatan ini. Kesemua 6 orang responden melakukan aktiviti ini di persimpangan jalanraya.

Kegiatan perniagaan juga merupakan salah satu kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Hasil daripada analisis borang soal selidik, saya mendapati orang 4 responden yang terlibat dalam kegiatan ini. Kesemua responden ini perniagaan borong dan pasaraya.

Selain itu, kegiatan perguruan merupakan salah satu kegiatan ekonomi di kawasan kajian. Hasil daripada analisis borang soal selidik, saya mendapati 7 orang responden yang terlibat dalam kegiatan ini. Lima responden ini mengajar di sekolah tertentu seperti Sekolah Kebangsaan Assunta, Sekolah Menengah Kebangsaan Katolik. Manakala, mengajar tuisyen di pusat pengajian mereka.

Kepentingan Kegiatan Ekonomi di kawasan Kajian

Kegiatan ekonomi ternyata telah membawa peluang kepada penduduk di kawasan kajian. Mereka terlibat dengan pelbagai kegiatan ekonomi. Ada diantara mereka terlibat dalam kegiatan perikanan, perguruan, perniagaan dan sebagainya. Hasilnya, melalui kegiatan ini, mereka berpeluang mempunyai sumber pendapatan.

Kegiatan ekonomi juga telah meningkatkan taraf kehidupan penduduk di kawasan kajian. Pada peringkat awal penduduk hanya tinggal di rumah kecil diperbuat daripada kayu. Kenderaan utamanya ialah basikal. Kebanyakan penduduk di taraf kemiskinan. Hasil daripada kegiatan ekonomi, penduduk sekarang mempunyai rumah besar diperbuat daripada batu dan mempunyai kenderaan-kenderaan yang mewah.

Selain itu juga, kegiatan ekonomi juga membekalkan bahan makanan. Kegiatan ekonomi pertanian telah memberikan kita vitamin. Penternakan dan perikanan telah memberi sumber protien kepada penduduk di kawasan kajian. Dengan ini penduduk akan selalu cergas dan sihat.

Akhir sekali, kegiatan ekonomi membekalkan bahan keperluan harian penduduk. Bahan-bahan tersebut adalah seperti bahan dapur, bahan runcit dan sebagainya. Dengan ini penduduk tidak perlu pergi jauh untuk mencari barang keperluan mereka.

Jadual menunjukkan jenis-jenis kegiatan ekonomi

Jenis Kegiatan Ekonomi	Jumlah
Perkhidmatan	
perniagaan	
perguruan	
Perindustrian	
Jumlah	

Rujukan

Orang Sumber: _____

Laman Web: <http://kerjakhususgeografi.blogspot.com/2011/10/tajuk-pendahuluan-normal-0-false-false.html#comments>


http://smkpenghulusaad.wordpress.com/2010/03/13/ccontoh-kerja-kursus-geografi-pmr-2010/?like=1&_wpnonce=4bf7f26e87

Buku rujukan: Chong Mui Sen, 2002, Geografi Tingkatan 1, Selangor Darul Ehsan, Sasbadi. SDN. BHD.

Atau

JENIS –JENIS KEGIATAN EKONOMI

Negara Malaysia mempunyai pelbagai jenis kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada pendapatan negara. Jenis-jenis kegiatan ekonomi negara ialah pertanian, perikanan, perlombongan, perindustrian, perkhidmatan dan pembalakan.



PERTANIAN

Bumi Malaysia yang subur serta beriklim panas dan lembap sepanjang tahun amat sesuai untuk kegiatan pertanian. Pertanian merupakan kegiatan utama di negara kita Malaysia terutamanya di kawasan luar bandar. Pertanian boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu tanaman jualan dan tanaman makanan.

Tanaman makanan adalah tanaman yang ditanam untuk keperluan dan keluarga, manakala selebihnya dijual. Tanaman utama negara kita ialah padi. Kedah terkenal dengan tanaman padi yang luas dan juga digelar negeri “Jelapang Padi Malaysia”. Terdapat dua jenis padi yang diusahakan di Malaysia iaitu padi sawah (kawasan tanah rendah) dan padi huma (kawasan berbukit). Tanaman jualan utama di negara Malaysia adalah kelapa sawit dan getah. Kelapa sawit diusahakan secara kebun kecil dan ladang. Getah ditanam di tenggara Johor, Pahang dan selatan Kelantan. Tanaman jualan lain adalah seperti koko, tembakau, kelapa, teh, tebu, kopi dan banyak lagi.

PERIKANAN

Kerja menangkap dan memelihara ikan adalah aktiviti ekonomi yang dilakukan penduduk Malaysia. Ikan merupakan sumber protein utama yang sangat penting. Di Malaysia, terdapat empat jenis kegiatan perikanan utama iaitu perikanan air tawar, perikanan pinggir pantai, perikanan laut dalam akuakultur dan penternakan ikan hiasan.

PERLOMBONGAN

Mineral utama yang terdapat di Malaysia ialah petroleum dan gas asli. Mineral lain yang dilombong ialah emas, kuprum, bauksit dan bijih timah. Industri perlombongan juga membantu perkembangan ekonomi negara.

PEMBALAKAN

Malaysia dapat menjalankan pembalakan kerana terdapat kawasan hutan terdiri daripada kayu keras. Hasil kayu ini adalah penting dan mendapat pasaran yang baik. Kayu balak diproses menjadi produk yang bernilai tinggi.

PERKHIDMATAN

Perkhidmatan terdiri daripada pelancongan, perdagangan, kewangan, pengangkutan dan pendidikan. Di Malaysia, sektor perkhidmatan merupakan sektor ekonomi yang terpenting. Globalisasi ekonomi menggalakkan peningkatan dalam tambahan sektor perkhidmatan.

(KEGIATAN EKONOMI DI KAWASAN KAJIAN)

PERNIAGAAN

Perniagaan adalah kegiatan aktiviti ekonomi yang utama dan penting di Pekan Kegiatan ini menghasilkan pendapatan kepada penduduk Pekan Di Pekan terdapat juga kawasan ladang getah dan kelapa sawit.

Tanaman Pokok Getah

Luas kawasan tanaman padi di Pekan ialah 3000 hektar.


Tanaman Kelapa Sawit

Luas kawasan penanaman kelapa sawit di ialah seluas 3000 hektar. Hasil daripada tanaman sawit akan dihantar ke tempat pengumpulan sawit. Selepas itu ia akan dihantar ke kilang sawit untuk diproses.

PERKHIDMATAN

Antara kegiatan ekonomi berdasarkan perkhidmatan ialah pendidikan, kewangan dan perbankan dan lain-lain. Di kawasan Kajian terdapat perkhidmatan pendidikan yang disediakan kepada penduduk Sungai Ranggam. Perkhidmatan pendidikan itu ialah Sekolah Menengah dan Sekolah Kebangsaan. Perkhidmatan kewangan dan perbankan yang terdapat di Pekan Bedong ialah Bank Simpanan Nasional. Ini menyediakan pekerjaan penduduk sebagai guru, pengawal dan lain- lain. Selain itu, khidmat perubatan juga terdapat di kawasan kajian. Penduduk mendapat pekerjaan berdasarkan perubatan dengan menjadi doktor dan jururawat.

SUMBANGAN KEGIATAN EKONOMI TERHADAP KAWASAN KAJIAN



PELUANG PEKERJAAN

Dengan adanya aktiviti pertanian disini, penduduk – penduduk Pekan Bedong mendapat peluang pekerjaan sebagai penoreh getah, pemandu lori yang membawa getah, penanaman sayur – sayuran, pemandu lori yang membawa sayuran dan berbagai – bagai lagi.

PENDAPATAN

Dengan adanya peluang pekerjaan ini penduduk Pekan Bedong mendapat upah atau gaji yang boleh meningkatkan taraf hidup mereka. Purata pendapatan mereka lebih kurang RM300.00.

PENGURANGAN PERGANTUNGAN BARANGAN IMPORT

Malaysia telah berusaha untuk meningkatkan produktiviti negara. Ini termasuklah pertanian terutama pengeluaran keperluan. Kemajuan dalam bidang pertanian di Pekan Bedong dapat mengurangkan barangan import dari luar negara dalam pengimportan getah dan minyak kelapa sawit.

PENINGKATAN TARAF HIDUP

Taraf hidup penduduk telah meningkat hasil daripada pendapatan yang diperolehi daripada dalam penglibatan dalam kegiatan ekonomi apabila pendapatan penduduk meningkat. Oleh itu, penduduk dapat memenuhi keperluan asas seperti membeli makanan dan pakaian. Penduduk Pekan Bedong dalam kegiatan ekonomi pertanian dan perkhidmatan akan mudah mendapat rawatan apabila terdapatnya klinik Wawasan.

*Dengan semua sumbangan ini, semangat patriotisme seperti cinta akan tanah air dapat dicapai.

<http://www.bintangjukan.com/2015/06/cadangan-usaha-untuk-meningkatkan-pendapatan-penduduk-geografi-pt3-2015.html>

Contoh Skema Usaha Meningkatkan Pendapatan Penduduk Di Felda Jengka Pahang

Terdapat beberapa cadangan untuk meningkatkan pendapatan penduduk di sekitar kawasan kajian di Felda Jengka Pahang. Antaranya adalah menyarankan penduduk menyertai program keusahawanan atau perniagaan, menjana pendapatan secara atas talian atau online, melabur dalam Amanah Saham Berhad (ABS) dan mempelbagaikan jenis tanaman selain kelapa sawit di Felda Jengka Pahang.

Penyertaan penduduk dalam program keusahawanan boleh meningkatkan pendapatan keluarga (**1 Markah**). Contohnya dengan membuka gerai atau kedai runcit secara kecil-kecilan (**1 Markah**). Ini kerana Kedai Runcit adalah lebih relavan untuk dibuka memandangkan penempatan ini berada jauh daripada kawasan bandar (**1 Markah**). Selain itu, penduduk boleh juga membuka gerai jualan makanan atau minuman secara kecil-kecilan. Bagi masyarakat penduduk Felda Jengka, ada antaranya pekerja bujang malas untuk memasak. Jadi gerai atau warung makanan dan minuman seperti ini dapat menjadi destinasi pilihan golongan tersebut (**1 Markah**). Selain itu, bagi penduduk yang berkemahiran tinggi seperti berkeupayaan membaiki kereta dan motor, membuka bengkel juga boleh meningkatkan atau menjana pendapatan sampingan (**1 Markah**).

Selain itu, penduduk di kawasan kajian juga boleh menjana pendapatan sampingan secara atas talian (Online) (**1 Markah**). Seiring dengan kecanggihan teknologi maklumat,

laman sosial kini menjadi tumpuan semua golongan tanpa mengira muda mahupun yang tua (**1 Markah**). Boleh dilihat penduduk sekitar Felda Jengka Pahang lebih banyak meluangkan masa dengan telefon pintar untuk mengakses laman sosial. Untuk info, laman sosial seperti Facebook, Instragram mahupun applikasi Whatsapp boleh dijadikan platform untuk penduduk berniaga secara atas talian dan mendapatkan pelanggan (**1 Markah**). Contohnya dengan membuka kedai e-Shop menerusi blogspot atau di instgram untuk menjual pelbagai jenis barangan atau perkhidmatan seperti tudung atau baju kurung (**1 Markah**). Disamping itu, penduduk juga boleh menggunakan sepenuhnya manfaat applikasi laman sosial Whatsapp sebagai hubungan untuk berkomunikasi secara interaktif ketika menjalankan perniagaan (**1 Markah**).

Membuat pelaburan dalam Amanah Saham Berhad juga boleh meningkatkan pendapatan penduduk (**1 Markah**). Dengan pelaburan juga, dapat membina aset untuk pendapatan pada jangka masa panjang (**1 Markah**). Penduduk juga boleh menyimpan duit ke dalam ASB atau membuat pinjaman menerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) (**1 Markah**) Dengan pelaburan tersebut, penduduk juga boleh mendapat pulangan pada setiap tahun dalam bentuk dividen (**1 Markah**). Selain daripada ASB, terdapat pelbagai bentuk pelaburan yang boleh disertai antaranya adalah saham Felda Global Venture (FGV), Tabung Haji dan sewaktu dengannya (**1 Markah**).

Mempelbagaikan jenis tanaman juga adalah penting bagi penduduk di sekitar Felda Jengka Pahang (**1 Markah**). Seperti sedia maklum, semua peneroka FELDA diberikan tanah secara percuma oleh kerajaan Malaysia untuk penduduk menanam hasil kelapa sawit (**1 Markah**). Selain daripada Kelapa Sawit, penduduk juga boleh mengambil inisiatif atau peluang untuk menanam tanaman selain daripada kelapa sawit (**1 Markah**). Contohnya adalah seperti sayuran, buah-buahan dan sebagainya (**1 Markah**). Selain daripada menunggu hasil daripada Kelapa Sawit, penduduk juga boleh menjual sayuran yang ditanam untuk menjana pendapatan sampingan (**1 Markah**).

Jumlah Markah: 20 Markah

Cara Menambah Pendapatan Keluarga

<http://wuina.blogspot.com/2011/01/cara-menambah-pendapatan-keluarga.html>

Pada masa ini pasangan suami isteri perlu bertolak ansur, bukan hanya perasaan pasangan yang perlu dijaga malah sumber kewangan juga perlu mempunyai budget yang tersendiri. Anda dan pasangan pasti tidak mahu dilanda krisis kewangan yang kritikal. Lakukan perbelanjaan yang sesuai dengan jumlah kewangan yang diperoleh. Namun sesiapa pun pasti tidak dapat menduga perkara-perkara kecemasan yang akan berlaku. Pada masa tersebut sumber kewangan adalah diperlukan untuk mengurangkan penderitaan itu. Jika perkara ini berlaku, bukan bererti kita perlu bersifat tamak tetapi sumber kewangan adalah sebagai alat untuk mengurangkan beban yang dihadapi. Luangkan masa untuk berkongsi idea dengan suami atau isteri bagi mengawal perbelanjaan bulanan. Selain berjimat cermat, terdapat juga langkah-langkah lain yang dapat mengurangkan dan menambah pendapatan isi rumah. Mengapa perlu mengikat perut sedangkan terdapat cara lain yang dapat membantu? Berikut adalah beberapa perkara yang dapat memberi idea untuk mengawal perbelanjaan bulanan. Semoga langkah-langkah ini dapat memberi panduan kepada pasangan suami isteri.

1. PELABURAN JANGKA PANJANG

Masa kini terdapat pelbagai kemudahan yang ditawarkan oleh pihak perbankan kepada pengguna. Antaranya ialah simpanan tetap, akaun semasa, akaun simpanan, mahupun pelaburan jangka panjang. Faedah yang ditawarkan juga amat memuaskan. Jika ragu-ragu dengan perkhidmatan yang ditawarkan, pilihlah perkhidmatan yang menawarkan urusan secara islam. Dapatkan segala maklumat yang anda perlukan dari pihak mereka. Pelaburan ini sudah tentu dapat digunakan pada masa anak mahu melanjutkan pelajaran atau saat kecemasan yang memerlukan perbelanjaan yang banyak. Pada ketika itulah anda dapat menghela nafas lega. Ini adalah seperti tidak menambah masalah baru kepada perkara tersebut.

2. MENGURANGKAN PERBELANJAAN SAMPINGAN

Akhir-akhir ini kenaikan barang agak ketara. Malah harga barang-barang sampingan juga turut mengalami kenaikan harga. Sebagai pasangan yang bijak, cuba kawal perbelanjaan isi rumah anda. Jika boleh mengurangkan perbelanjaan seperti dari segi pakaian, maka anda perlu mengurangkan membeli pakaian yang baru. Malah pada masa ini merupakan waktu yang sesuai untuk mendidik anak-anak berjimat cermat. Ajarlah mereka bagaimana cara untuk menabung dan terangkan juga mengapa mereka perlu berbuat demikian. Ini kerana anak-anak kecil tidak mahu melakukan sesuatu perkara tanpa penerangan dan contoh dari ibu bapa mereka. Sebenarnya konsep menabung perlu disemai sejak kecil lagi.

3. BERNIAGA SECARA KECIL-KECILAN

Adakah anda bekerja? Lakukan satu perkara yang dapat menambah pendapatan anda walaupun semasa anda sedang bekerja. Gunakan pengetahuan dan kemahiran anda. Jika anda mempunyai kemahiran seperti memasak, adalah baik jika anda boleh berniaga secara kecil-kecilan di pejabat seperti menjual sarapan pagi yang siap sudah dibungkus. Letakkan di satu sudut seperti ruang makan yang sering menjadi tumpuan pekerja. Namun anda juga perlu pastikan bahawa perniagaan anda tidak mengganggu tugas-tugas seharian di pejabat.

4. MENAMBAH PENDAPATAN SEMASA DI RUMAH

Bagi sebilangan pekerja, mereka berpendapat jika mahu mempunyai pendapatan yang lebih, perlu melakukan kerja lebih masa. Namun ini pasti akan menjadi masalah kepada pasangan suami isteri jika anak dijaga oleh pusat asuhan. Ibu bapa perlu mengambil anak-anak pada masa yang telah ditetapkan oleh pusat jagaan tersebut. Cara mudah untuk menambah pendapatan semasa di rumah ialah melakukan kerja-kerja tambahan dari rumah yang tidak memerlukan anda melakukan atau pergi ke tempat lain. Antara kerja-kerja yang dapat anda lakukan ialah seperti membuat tuisyen kepada kanak-kanak atau kerja-kerja manual yang sering pihak perkilangan berikan kepada individu luar bagi memudahkan kerja-kerja mereka. Malah pada masa kini jika anda yakin, sudah tentu anda boleh memulakan pekerjaan dari rumah. Bantuan teknologi seperti komputer dan faks dapat membantu mengurangkan pergerakan anda ke tempat-tempat lain. Melalui perkembangan teknologi semasa juga anda boleh melakukan perniagaan internet hanya dari rumah. Pada masa kini banyak peluang untuk memulakan atau menambah pendapatan dari internet. Cuma terpujang kepada kita untuk menyelidik dan memilih perniagaan internet bagaimana yang sesuai dengan minat dan pengetahuan kita.

5. KONSEP 'RUMAHKU SYURGAKU'

Segala kebahagiaan adalah bermula dari rumah. Ibu bapa memainkan peranan penting untuk merealisasikan konsep tersebut. Apabila anda sekeluarga sedang mengawal perbelanjaan, maka sudah tentu ahli keluarga akan sentiasa berada di rumah. Pada masa ini ciptalah satu suasana yang dapat menggerakkan hubungan antara ahli keluarga. Antaranya ialah luangkan lebih masa dengan anak-anak. Ajarkan mereka membaca dan mengira. Jangan cepat berasa bosan untuk memberi tunjuk ajar kepada anak-anak. Malah anda boleh bermain satu permainan dengan mereka agar si anak tidak merasa tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa. Jika mempunyai anak yang sedang menginjak dewasa, tidak salah jika anda meminta bantuan mereka untuk melakukan tugas-tugas rumah. Memasak, mengemas rumah atau membasuh kereta, bukankah sebenarnya kebahagiaan itu mudah untuk diwujudkan?


Bibliografi

- Petaling Jaya : Daripada Astet Getah kepada Sebuah Bandaraya.* (2006, Jun 16). Retrieved November 2012, from Bernama.Com:
http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=203644/
- PJ Selatan dijangka bebas setingan Jun.* (2006, Januari 28). Retrieved November 2012, from Berita Harian:
<http://aplikasi.kpkt.gov.my/akhbar.nsf/8521d968204e8b454825697400224ca6/3e027d38d60f48c648256f970015afaf?OpenDocument&TableRow=2.1#2>
- Dasar Kependudukan Malaysia Ke Arah 70 Juta Penduduk.* (2008, November 14). Retrieved November 2012, from Jabatan Penerangan Malaysia:
<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/component/content/article/88-dasar-dasar-negara/239-dasar-kependudukan-malaysia-ke-arrah-70-juta-penduduk.html>
- Dasar Perindustrian Negara.* (2008, November 14). Retrieved November 2012, from Jabatan Penerangan Malaysia:
<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/component/content/article/300-dasar-dasar-ekonomi/1375-dasar-perindustrian-negara.html>
- (2009). *Laporan Tahunan MBPJ.* Petaling Jaya: Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- Sejarah.* (2009, Mac 20). Retrieved November 2012, from Majlis Bandaraya Petaling Jaya:
<http://www.mbpj.gov.my/web/guest/history>
- Keluasan Kawasan Mengikut Seksyen.* (2010, Julai 14). Retrieved November 2012, from Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ:
http://pjcityplan.mbpj.gov.my/v2/index.php/content_pages/display/104
- Latar Belakang.* (2010, Mei 26). Retrieved November 2012, from Majlis Bandaraya Petaling Jaya: http://www.mbpj.gov.my/web/guest/mbpj_background
- Maklumat Penduduk.* (2010, Julai 14). Retrieved November 2012, from Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ:
http://pjcityplan.mbpj.gov.my/v2/index.php/content_pages/penduduk
- Maklumat Perdagangan.* (2010, Julai 14). Retrieved November 2012, from Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ:
http://pjcityplan.mbpj.gov.my/v2/index.php/content_pages/perdagangan
- Maklumat Perindustrian.* (2010, Julai 14). Retrieved November 2012, from Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ:
http://pjcityplan.mbpj.gov.my/v2/index.php/content_pages/industri

- Perluasan Kawasan Sempadan.* (2010, Julai 14). Retrieved November 2012, from Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ:
http://pjcplan.mbpj.gov.my/v2/index.php/content_pages/display/103
- Dasar Perumahan Negara.* (2012, Oktober 10). Retrieved November 2012, from Portal Rasmi Jabatan Perumahan Negara:
<http://ehome.kpkt.gov.my/main.php?Content=vertsections&VertSectionID=45&IID=>
- Petaling Jaya.* (2012, Oktober 12). Retrieved November 2012, from Wikipedia:
http://ms.wikipedia.org/wiki/Petaling_Jaya
- Dasar Pendidikan di Malaysia.* (n.d.). Retrieved November 2012, from Scrib:
<http://www.scribd.com/doc/2882268/Dasar-Pendidikan-Di-Malaysia>

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

LAMPIRAN





Rajah 1.0 : Peta Kawasan Pentadbiran
 Sumber : Laporan Tahunan MBPJ, 2009

PEMBAHAGIAN ZON :



Rajah 1.1 Peta Kawasan Kajian
 Sumber : Laporan Ringkasan Eksekutif Draf Rancangan Tempatan





PEMBAHAGIAN ZON :

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> 1964 - 19.90 km/p 1970 - Tambahan 4.13 km/p (24.03 km/p) 1977 - Tambahan 18.28 km/p (42.31 km/p) | <ul style="list-style-type: none"> 1995 - Tambahan 2.31 km/p (44.62 km/p) 1997 - Tambahan 52.58 km/p (97.20 km/p)
(Sebahagian kawasan tambahan tahun 1977 dan 1995 dipindahkan ke MPSJ) |
|--|--|

Rajah 2.0 : Peta Pembahagian Zon
 Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ, 2010


Jadual 13.1 : Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik, kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan negeri, Malaysia, 2010 (samb.)
 Table 13.1 : Total population by ethnic group, Local Authority area and state, Malaysia, 2010 (cont'd)

Negeri : SELANGOR
 State

Daerah Pentadbiran/ Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan <i>Administrative District/ Local Authority Area</i>	Jumlah Total	Warganegara Malaysia <i>Malaysian citizens</i>							Bukan Warganegara Malaysia <i>Non-Malaysian citizens</i>
		Jumlah Total	Bumiputera			Cina <i>Chinese</i>	India <i>Indians</i>	Lain-lain <i>Others</i>	
			Jumlah Total	Melayu <i>Malay</i>	Bumiputera Lain <i>Other Bumiputera</i>				
PETALING									
M.B. Petaling Jaya	613,977	559,695	258,588	252,858	5,730	221,513	74,719	4,875	54,282
Bandar Petaling Jaya	176,131	161,840	53,286	52,068	1,218	84,591	22,796	1,167	14,291
Kampong Cempaka	5,724	5,352	301	276	25	4,764	236	51	372
Kampong Sungai Penchala *	1,759	1,560	399	396	3	1,037	111	13	199
Seri Setia (Sungai Way)	9,968	5,208	1,486	1,416	70	2,940	447	335	4,760
Sungai Way-Subang	10,091	9,373	2,887	2,864	23	4,659	1,717	110	718
Kawasan selebih M.B. <i>Remainder of M.B.</i>	410,304	376,362	200,229	195,838	4,391	123,522	49,412	3,199	33,942

Rajah 2.1 : Jumlah Penduduk 2010

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010




Rajah 2.2 : Jumlah Penduduk 2012

Sumber : Unjuran Penduduk Berdasarkan Bancian Tahun 2010, Jab. Perangkaan Malaysia (Kadar Pertumbuhan 2.7% setahun)




Rajah 2.3 : Amcrop Mall



Sumber :

http://www.streetdirectory.com.my/malaysia/kl/stock_images/normal_show/main_view_2/my_11830158810185/216/

Rajah 2.4 : Jumlah Perdagangan Mengikut Jenis
Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ, 2010



Rajah 2.5 : Jumlah Perindustrian Mengikut Jenis
Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ, 2010



Rajah 2.6 : Kilang Ducth Lady

Sumber :

<http://biz.thestar.com.my/news/story.asp?file=/2008/6/2/business/21397420&sec=business>



Rajah 3.0 : Pintu Gerbang Kota Darul Ehsan

Sumber :

<http://www.panoramio.com/photo/27679937>



Rajah 2.7 : LRT RapidKL

Sumber :

http://en.wikipedia.org/wiki/File:RapidKL_Kelana_Jaya_line_Petaling_Jaya.jpg



Rajah 3.1 : Menara MBPJ

Sumber :

<http://www.panoramio.com/photo/19782220?tag=Office>



Rajah 2.8 : Lebuhraya di Petaling Jaya

Sumber : Laporan Tahunan MBPJ, 2009



Rajah 3.2 : Tasik Taman Jaya

Sumber :

http://www.flickr.com/photos/tk_yeoh/2897769631/in/photostream/



Rajah 2.9 : Kolej Stamford

Sumber :

http://www.stamford.edu.my/cms.php?content_id=59



Rajah 3.3 : Sunway Pyramid

Sumber :

<http://www.panoramio.com/photo/8911024>

TO BE CONTINUE LOGIN AGAIN

***** Pelajar tidak boleh meniru bulat-bulat atau Piagat. Gunakan tips ini sebagai panduan.**

**Get our 100% exam tips (PT3)
for BM, BI, Mathematics, Science &
Kemahiran Hidup (Teras)**

**Pre-order now
via www.andrewchoo.com.my**

or

**Join our [LIVE Seminar PT3](#) at University
Malaya on 13 Sept'15 (Sun)****